

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN INSTITUT TEKNOLOGI TUN ABDUL RAZAK

TEMPAT: BANGUNAN UMNO, JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR

TARIKH: 11 MAR 1992

MASA:

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Koperasi Usaha Bersatu Majlis Berhad atau KUB kerana memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Institut Teknologi Tun Abdul Razak pada petang ini. Syabas diucapkan kepada KUB kerana berkat kegigihan dan kebulatan tekad, akhirnya impian untuk menubuhkan sebuah institusi pendidikannya sendiri kini menjadi kenyataan.

2. Dengan penubuhan Institut ini KUB berjaya memenuhi salah satu daripada objektif penubuhan koperasi ini yang termaktub di dalam undang-undang kecilnya, iaitu "membantu antara satu sama lain dan memajukan pelajaran di kalangan anak-anaknya".

3. Kerajaan memang mengalu-alukan penubuhan Institusi pendidikan oleh pihak swasta seperti Institut Teknologi Tun Abdul Razak atau ITTAR ini. Lebih-lebih lagi ia diilham dan dilahirkan oleh sebuah koperasi yang didukung oleh orang Melayu.

4. Orang Melayu pada amnya beranggapan bahawa bidang pendidikan adalah tanggungjawab Kerajaan. Anggapan sedemikian ialah kerana sejak negara merdeka tanggungjawab ini telah dipikul oleh Kerajaan, bahkan boleh dikatakan bahawa Kerajaan telah memonopoli bidang ini dari segi menyediakan belanjawan yang besar untuk sekolah-sekolah, universiti atau biasiswa.

5. Di suatu masa dahulu, sekolah-sekolah swasta hanya segelintir sahaja bilangannya. Sekolah-sekolah swasta ini ketika itu tidak mempunyai imej yang begitu baik kerana kebanyakan pelajar di sekolah-sekolah ini terdiri daripada mereka yang tidak berpeluang menyambung pelajaran di sekolah-sekolah bantuan Kerajaan disebabkan tidak memperolehi kelulusan yang baik dalam peperiksaan.

6. Tetapi pada hari ini, keadaan telah berubah. Ekoran dasar liberal Kerajaan dalam bidang pendidikan, institusi-institusi pendidikan swasta seperti kolej atau maktab tumbuh dengan banyaknya dengan menawarkan pelbagai kursus separa profesional dan juga profesional.

7. Nyatalah daripada jumlah pengambilan pelajar, institusi-institusi swasta yang tumbuh dalam beberapa tahun ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Ini ialah

kerana penubuhan institusi-institusi swasta ini adalah untuk memenuhi kehendak-kehendak pengetahuan yang amat mendesak atau "the great thirst for knowledge" di kalangan penduduk negara kita sekarang. Ramai rakyat kita kini mengejar pengetahuan dan kecekapan bagi melengkapkan diri mereka untuk menyahut cabaran pembangunan negara yang pesat, terutama dalam bidang perindustrian yang memerlukan begitu banyak tenaga terlatih dalam bidang pengurusan, teknologi, kemahiran dan sebagainya.

8. Dasar meliberalisasikan bidang pendidikan di negara kita pada hari ini adalah suatu perkembangan yang bukan sahaja tidak dapat dielakkan tetapi, yang lebih penting, suatu perkara yang amat diperlukan. Tidak ada Kerajaan di mana-mana pun yang mampu mengadakan semua keperluan pendidikan dalam semua bidang. Oleh kerana negara sedang membangun dengan pesat dan menumpu kepada bidang industri maka keperluan bagi berbagai-bagai jenis kecekapan juga meningkat dengan pesatnya. Dalam keadaan ini pihak swasta diperlukan menampung apa yang tidak dapat disediakan oleh Kerajaan kerana belanjawan Kerajaan tetap terhad.

9. Penubuhan institusi-institusi pendidikan swasta dengan sendirinya memperkenalkan elemen penswastaan ke dalam sistem pendidikan negara, tanpa Kerajaan sendiri mengambil langkah tertentu ke arah penswastaan itu. Ini berbeza dengan penswastaan jabatan-jabatan Kerajaan seperti Telekom, Pos atau Tenaga Nasional Berhad. Sumbangan sektor swasta yang lebih besar dalam bidang pendidikan seperti menubuhkan lebih banyak institusi pendidikan tinggi yang menawarkan kursus-kursus yang kini kebanyakannya terdapat di luar negeri, akan dapat mengurangkan pengaliran tukaran asing kita ke luar negeri. Adalah diperhatikan bahawa pihak swasta lebih berjaya mengawal perbelanjaan mengendalikan institusi pelajaran berbanding dengan Kerajaan. Ini juga merupakan satu keuntungan bagi negara kerana lebih ramai akan mendapat pelajaran dari pelaburan yang lebih rendah.

10. Jika penswastaan ke atas agensi-agensi Kerajaan dapat membantu mengurangkan belanjawan Kerajaan, maka penubuhan lebih banyak pusat pengajian oleh sektor swasta, termasuk oleh institusi pendidikan dariluar negeri, juga akan membolehkan Kerajaan mengagihkan wangnya untuk keperluan lain yang juga penting. Untuk menentukan standard dan kualiti tidak terjejas kerana perkembangan institusi pendidikan yang begitu pesat, Kerajaan ingin melihat program kerjasama dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang ternama di seberang laut ditingkatkan.

11. Pada amnya, adalah lebih baik bagi para pelajar kita menuntut di dalam negara mereka sendiri sehingga mereka lebih dewasa dan mampu mempertahankan budaya mereka apabila mereka pergi keluar negeri untuk pengajian yang lebih tinggi. Terdapat banyak masalah di kalangan penuntut yang terlalu muda apabila mereka terdedah kepada budaya asing. Di samping itu kos pengajian tinggi akan dapat dikurangkan dan negara akan berupaya mengeluarkan lebih banyak tenaga

mahir yang diperlukan.

12. Dalam menyediakan tenaga mahir untuk memenuhi kehendak pasaran pekerjaan, pihak swasta lebih berupaya memainkan peranan yang berkesan kerana ia fleksibel dalam merangka sesuatu pendekatan mengikut keperluan tenaga manusia berbanding dengan sektor awam.

13. Walaupun Malaysia mengamalkan Dasar Pelajaran Kebangsaan, Kerajaan mempunyai pandangan yang luas dan pragmatik. Hasrat Kerajaan ialah untuk menyediakan pendidikan yang berkualiti selaras dengan matlamat Wawasan 2020. Ini adalah kerana maruah dan kehormatan yang diperolehi oleh sesuatu bangsa bergantung kepada kejayaan dan kekuatan bangsa itu dan bukan kepada desakan supaya ia dan kebudayaannya dihormati. Dengan menguasai segala ilmu yang penting dan dengan itu mencapai kemajuan yang tinggi kebudayaan bangsa akan turut dihormati dan berdayamaju.

14. Saya merasa bangga kerana Institut Teknologi Tun Abdul Razak ini dalam hanya beberapa bulan sahaja penubuhannya telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat, khasnya orang Melayu. ITTAR juga merupakan satu-satunya sekolah yang mengadakan program kerjasama dengan sebuah kolej di luar negeri, iaitu Institute of Higher Education di United Kingdom, tanpa menjejaskan penggunaan Bahasa Malaysia dalam mengendalikan kursus-kursusnya.

15. Saya penuh yakin bahawa Institut Teknologi Tun Abdul Razak, dengan mengambil nama seorang negarawan yang ulung, Allahyarham Tun Abdul Razak yang semasa hayatnya telah mencurahkan jasa yang tiada terhingga di dalam bidang pendidikan, akan mampu untuk "live up to its name", dan bersama-sama membawa negara ke arah masa depan yang lebih gemilang.

16. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Institut Teknologi Tun Abdul Razak.